

AIC iktiraf usaha lebih 390 individu dan syarikat perbaiki penjagaan masyarakat

Rahayu: Anugerah seperti ini antara pemangkin bagi bangukan, perkukuh tenaga kerja bidang penjagaan masyarakat

INSYIRAH MOHD SHUKOR
insyirahm@spoh.com.sg

Sedang Encik Muhammad Qayyum Norshapie menaja lu sebuah unit flat sewa satu bilik di Siring Road, hatinya disibangi masa terpanjang berampar sekali melihat seorang warga emas terbaring di atas lantai simen keiri dor dengan pakatan busah.

Ini kerana hatinya berdelek sehingga tidak sanggup langsung untuk tidur di dalam rumah.

Bagi seotengah orang, penyelesaian mereka mungkin sekadar membersihkan rumah tersebut.

Namun, sebagai kauselor di Lions Befrienders, Encik Qayyum, 33 tahun, sekarang masalah itu jauh lebih mendalam daripada sekadar kegunaan barangan yang berselerak.

"Setiap barangan mempunyai cerita yang tersendiri, lengkap dengan memori dan makna.

"Saya bukan sekadar ingin memberikan penyelesaian sementara tanpa memahami keperluan emosi warga emas itu terlebih dahulu," ujar beliau yang telah berkhidmat dengan Lions Befrienders sejak 2017.

Astera Encik Qayyum meluangkan masa beberapa minggu untuk merancang, memahami dan membina kepercayaan dengan warga emas itu.

Ini merupakan teknik yang dipelajarinya

semasa menuntut di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS), tempat pengajian beliau meraih ijazah dalam bidang kaunseling.

Detik-detik sedemikian, menurut Encik Qayyum, sewaktu mengadakan lakarnya untuk meralansi bidang tersebut.

Beliau memutuskan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang kaunseling dengan sokongan Anugerah Pembangunan Tenaga Manusia Penjagaan Masyarakat (CCMDA).

Anugerah itu diberikan kepada kakitangan dalam sektor penjagaan masyarakat, atau individu yang berkilat kerjaya dengan hasrat ingin meningkatkan mutu kehidupan warga emas.

Memuat Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC), anugerah itu menyokong kakitangan sektor penjagaan masyarakat dalam meningkatkan kecekapan mereka melalui latihan serta program peningkatan keamalina.

Ini termasuk menampung hingga 90 pentas yuran pengajian, dengan baki kos dibayar majikan syarikat masing-masing.

Lebih 1,100 individu telah meraih manfaat daripada anugerah itu sejak ia dilancarkan pada 2017.

Meniti Negeri (Penerangan dan Pembangunan Digital merangkap Kualitatif), Cik Rahayu Mahzan, menyampaikan anugerah tersebut kepada lebih 160 penerima semasa Majlis Anugerah Penjagaan Masyarakat Pem-

"Setiap barangan (dalam longgokan) mempunyai ceritanya tersendiri, lengkap dengan memori dan makna. Saya bukan sekadar ingin memberikan penyelesaian sementara tanpa memahami keperluan emosi warga emas itu terlebih dahulu."

— Encik Muhammad Qayyum Norshapie, kauselor di Lions Befrienders yang merupakan antara yang menerima Anugerah Pembangunan Tenaga Manusia Penjagaan Masyarakat (CCMDA).

bangunan Tenaga Manusia dan Kecemerlangan AIC di Pusat Konvensyen Marina Bay Sands pada 24 September.

Dalam ucapannya, Cik Rahayu berkata anugerah seperti CCMDA antara pemangkin utama dalam membangunkan serta memperkukuh tenaga kerja bidang penjagaan masyarakat.

Pengasi AIC, Encik Gerard Fe, dalam ucapannya pula menekankan bahawa warga emas kini bukan sahaja hidup lebih lama, malah menikmati kehidupan yang sihat dan bermakna.

Pencapaian itu adalah hasil usaha peningkatan dalam mutu perkhidmatan, dan sekaligus menyelaraskan peranan penting penjaga-

an yang diberikan di pusat warga emas, pusat pemeaan aktif, rumah jagaan serta di kediaman sendiri.

"Komitmen anda mencerminkan tujuan yang tidak mementingkan diri sendiri dan belas kasihan yang mendalam. Sumbangan anda telah mengubah kehidupan dan memperkukuh masyarakat," kata beliau.

Encik Fe turut menekankan pentingnya mempunyai tenaga kerja yang kuat, berkemahiran dan pernah belas kasihan untuk menyokong warga emas agar golongan itu dapat menjalani kehidupan yang bermakna.

Selain anugerah CCMDA, majlis itu turut menyaksikan penyampaian Anugerah Kepimpinan Platinum di bawah Anugerah Penja-

gan Masyarakat Cemerlang (CCEA) bagi jangka-puluh kalinya.

Ia diberikan kepada Profesor Madya Adjun, Dr Kenny Tan, yang kini menggalas tanggungjawab sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di St Luke's ElderCare.

Dr Tan telah menerima pengiktirafan teknologi inovatif, seperti inisiatif terapi berdasarkan kecekapan buatan (AI) bagi memperbaharui kaedah penjagaan warga emas.

Tiga jurawad turut menandatangani Program Kepimpinan Kejuruteraan Penjagaan Masyarakat (CCNLP) pada 2023 yang melatih mereka untuk memegang peranan kepimpinan dalam sektor tersebut.

Secara keseluruhan, lebih 390 individu dan syarikat diberi pengiktirafan di atas sumbangan mereka dalam bidang penjagaan masyarakat di majlis ini.

Bagi Encik Qayyum, walaupun keawangan yang datang daripada anugerah CCMDA merupakan pelang bagi beliau terus memperkukuh caranya membantu golongan warga emas.

Sambil melahirkan penghargaan dengan anugerah itu, beliau mengungkap kembali keramahan manis besama arwah neneknya yang menghidup deneknya.

"Anugerah ini adalah pahaung untuk saya menambah ilmu dan suatu hari nanti membimbing kauselor muda dalam sektor ini supaya golongan warga emas seperti arwah nenek saya dahulu terus mendapat sokongan dan penjagaan yang bermakna," katanya.



Semangat kauselor di Lions Befrienders, Encik Muhammad Qayyum Norshapie, dalam menerima anugerah perbaiki mutu kehidupan warga emas diiktiraf melalui Anugerah Pembangunan Tenaga Manusia Penjagaan Masyarakat (CCMDA) pada 24 September. — Foto: Siti Aishah AFANDI